

Laksana kajian tebatan banjir, bukan diperap

Sebarang projek pembangunan wilayah menuntut tindakan segera

Sejak dua tiga minggu kebelakangan ini ahli akademik universiti awam sibuk menyediakan permohonan cadangan penyelidikan yang ditawarkan melalui pelbagai jenis geran. Satu daripadanya adalah geran bersifat transdisiplin dan fundamental oleh Kementerian Pendidikan khusus untuk kajian banjir besar yang melanda negara akhir tahun lalu.

Universiti sewajarnya memainkan peranan utama penyelidikan berkualiti untuk menyelesaikan masalah ini, di samping membina ilmu baharu berkaitan isu banjir.

Kajian adalah terhadap aspek banjir yang meranapkan sebahagian besar negara. Pelbagai latar belakang disiplin dikumpulkan untuk mencari penyelesaian masalah banjir ini serta memberikan pilihan mengikut jangka pendek, sederhana dan panjang.

Hasrat kerajaan ialah seandainya berlaku lagi banjir dengan magnitud serupa maka ada dasar, strategi, pelan tindakan serta agensi pelaksana berkaitan yang sepatutnya mengambil tindakan dengan segera.

Usaha bantu mangsa banjir

Penyelesaian bagi membantu mangsa banjir yang masih bergelut kesukaran menempuh kehidupan adalah hasil utama yang diberikan penekanan bagi perancangan penyelesaian jangka pendek termasuk menyediakan perumahan bersesuaian, serta bantuan lain. Sumbangan berterusan orang ramai dan pelbagai agensi kerajaan dan swasta lain perlu diuruskan dengan sebaiknya.

Kerangka penyelidikan bersifat transdisiplin ini perlu diwujudkan agar penyelidikan menghasilkan dapatan yang konkrit untuk dilaksanakan. Agensi kerajaan yang bertindak sebagai penyedia data dan maklumat asas wajar memainkan peranan penting membantu penyelidik menyediakan data yang cukup penting dan lengkap ini kerana pencarian data penting dan sahih akan mengambil masa panjang tanpa bantuan dari agensi terbabit.

Data yang dibekalkan sewajarnya tidak dikenakan bayaran kerana kajian dilakukan untuk kepentingan negara. Bagi mengelak berlakunya pertindihan maklumat sama oleh penyelidik dari pelbagai universiti yang terbabit dalam kajian ini. Di samping itu, untuk memastikan data asas yang digunakan adalah dari sumber utama dan sahih.

Sering menjadi persoalan dalam banyak kajian ialah cabaran menterjemahkannya untuk dilaksanakan kerana walau sehebat manapun cadangan dan perancangan, strategi dan tindakan, jika tidak dilaksanakan tidak membawa apa-apa manfaat kepada negara.

Dalam sistem pentadbiran yang bersifat hierarki, tiga aras perancangan yang biasanya dicadangkan, iaitu tindakan yang perlu dilakukan pada peringkat Persekutuan, peringkat negeri dan pihak berkuasa tempatan. Kepelbagaian lapisan ini jika tidak difahami sebaiknya akan menimbulkan pelbagai masalah ketika bencana lagi.

Sebaik negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, pelbagai pelan pembangunan wilayah dicadangkan. Banyak kajian berkaitan dengan pembangunan wilayah dan implikasi yang mungkin terhasil akibat pembangunan wilayah itu dinyatakan dalam laporan dengan begitu menyeluruh.

Pelan induk pembangunan

Pelan induk pembangunan wilayah dilakukan mengikut zon wilayah misalnya Wilayah Pahang Tenggara, Wilayah Jengka, kajian Lembaga Sungai Pahang, Wilayah Kelantan Selatan dan seumpamanya dijalankan pengkaji dan perunding dari Australia, New Zealand dan Kanada. Kebanyakan kajian ini dijalankan sekitar tahun 1974/75 dan ketelitiannya tidak dapat disanggah lagi.

Banyak cadangan yang dikemukakan untuk pembangunan negara dan mengelak kesan bencana akibat pembangunan wilayah tadi.

Beberapa empangan dicadang dibina di Kelantan untuk mengurangkan kesan banjir. Jumlah hujan dan aras ketinggian air dari sungai juga dicatat dengan jelas. Dalam tujuan pembangunan bandar baharu misalnya, dicadangkan dibina di kawasan yang mempunyai ketinggian aras tertentu kerana hasil kajian menunjukkan kawasan yang ditenggelami air jika hujan lebat berterusan.

Dalam laporan berkenaan juga dinyatakan kadar pengulangan banjir mungkin berlaku menggunakan formula tertentu.

Namun, sejauh mana cadangan itu diambil tindakan sepenuhnya oleh pelaksana pada setiap aras yang dinyatakan tadi menjadi persoalan utama. Kajian juga mengemukakan dapatan dan cadangan hampir serupa untuk dilaksanakan setiap peringkat pelaksanaan tadi.

Jika amalan ini berulang, dikhuatiri jutaan ringgit untuk kajian ini tidak dilaksanakan. Kerajaan wajar memberikan kepastian bahawa saranan dan cadangan diberi keutamaan untuk dilaksanakan jika tidak mahu bencana berulang kembali.



←
SHAHARUDIN IDRUS



Penulis

ialah Prof Madya dan adalah Felo Kanan dan Ketua Hal-Ehwal Jaringan dan Industri (HEJIM), Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM